

Semua kementerian diarah kemuka projek pembangunan 2021

Perancangan termasuk jangkaan tarikh panggilan tender, permulaan kerja awal

Oleh Mohd Zaky Zaimuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua kementerian diarah mengemukakan perancangan pelaksanaan projek pembangunan untuk 2021 kepada pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebelum 31 Disember ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata perancangan itu termasuk jangkaan tarikh untuk panggilan tender dan permulaan kerja awal.

Menerusi satu kenyataan sama-

lam, beliau berkata, semua kementerian juga dikehendaki mengenal pasti beberapa masalah yang mungkin timbul.

"Keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Pelan Perancangan Pelaksanaan Projek Pembangunan bagi Tahun 2021 dipengerusikan secara bersama oleh saya dan KSN, Tan Sri Mohd Zuki Ali hari ini (semalam).

"Mesyuarat itu bagi mencari kaedah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan dan memastikan projek baharu dapat segera dilaksanakan pada tahun hadapan kerana ia memberikan kesan penganda amat besar kepada negara," katanya.

Mustapa berkata, kerajaan turut mendapati langkah yang diambil untuk mempercepatkan perbelanjaan pembangunan (DE) melalui kelonggaran beberapa peraturan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberikan kesan positif kepada pelaksanaan projek.

Katanya, langkah penambahan-

baikan dan kelonggaran prosedur yang dilaksanakan tahun ini, antara lain ialah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Ogos 2020.

Selain itu, memantau rapi prestasi perbelanjaan pembangunan melalui sesi libat urus Unit Perancangan Ekonomi (EPU) JPM dengan kementerian, manakala Jabatan Kerja Raya melaksanakan kaedah.prakelayakan dengan mendekkan tempoh SST dari enam bulan kepada tiga bulan.

Ketika PKP, beliau berkata, kerajaan melonggarkan peraturan berkaitan perolehan kerajaan, mewujudkan mekanisme pemantauan khusus dan Jawatankuasa Pemudahcara dipengerusikan KSN bagi menyelesaikan isu pelaksanaan projek.

"Mesyuarat mengenal pasti beberapa langkah penambahbaikan dan kelonggaran prosedur yang akan diteruskan pada 2021," katanya.

Mengenai DE, beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM69 bilion untuk perbelanjaan itu da-



Mesyuarat itu bagi mencari kaedah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek sambungan dan memastikan projek baharu dapat segera dilaksanakan pada tahun hadapan.

Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

lam Belanjawan 2021 dengan 45 peratus daripadanya adalah untuk projek sambungan dan 55 peratus lagi untuk projek baharu.

"Tidak ada masalah untuk pelaksanaan 3,634 projek sambungan. Bagaimanapun perancangan awal dan teliti amat penting bagi memastikan 2,558 projek baharu dapat berjalan dengan lancar pada tahun depan," katanya.

Katanya, peranan perbelanjaan sektor awam adalah kritikal dalam tempoh ini apabila pihak swasta, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghadapi cabaran untuk menggerakkan dan memulihkan ekonomi.

"Pandemik COVID-19 yang kita hadapi sekarang memberikan kesan amat besar kepada ekonomi negara. Kerajaan banyak belajar daripada krisis kesihatan dan krisis ekonomi ini," katanya.

Beliau memberi jaminan, kerajaan terus komited mempergiatkan usaha bagi memastikan kesan pandemik itu dapat diminimumkan dengan salah satunya adalah mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan bagi menggerakkan semula ekonomi.

Mustapa menambah, kerajaan menyediakan peruntukan untuk projek kecil dan sederhana dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan PRIHATIN yang dipantau Unit Penyelarasan Pelaksanaan an JPM, berjumlah RM4 bilion.

"Sehingga 30 November 2020, sebanyak 8,157 daripada 8,559 projek ditawarkan kepada kontraktor kelas G1, G2 dan G3 di bawah PRE. Bagi projek di bawah PRIHATIN yang memabitkan 4,658 projek, sebanyak 3,758 projek selesai ditawarkan kepada kontraktor kelas sama," katanya.